

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
DAHLIA WOMEN EMPOWERMENT PROGRAMME
(DWEPE) 5.0**

**18 JANUARI 2025 | SABTU | 2.00 PETANG
KOLEJ DAHLIA
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

Yang Berhormat Puan Anfaal Saari

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan
Masyarakat, Kerajaan Negeri Selangor

Saudara Muhammad Iman Zulkifli

YDP MPP Sesi 2024/2025

YBrs. Puan Fatimah Sham

Selaku Penasihat Program

Saudari Nur Fadhilah Mawardi

Selaku Pengarah Program

YBrs. Dr Noor Azzah Said

Pengetua Kolej Dahlia

Saudari Nurul Raudhah Nasuha Razak

Yang Di-Pertua Jawatankuasa Perwakilan Kolej

Dahlia Sesi 2024/2025

Barisan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar

Barisan Staf Residen Kolej Dahlia

Jawatankuasa Pelaksana

Tuan-tuan, puan-puan para hadirin, dan seterusnya
mahasiswa mahasiswi yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, Syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya, kita dapat berhimpun dalam **Majlis Perasmian Dahlia 's Women Empowerment Programme (DWEPP) 5.0** yang bertemakan **HERizon: Empowering Women to Reach New Heights.**

2. Satu program yang berimpak yang memperkasakan wanita khususnya golongan muda dalam mendalami isu-isu penting yang memberi impak kepada masyarakat, terutamanya dalam konteks kesejahteraan wanita, keluarga, dan alam sekitar.

3. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan selamat datang kepada **Yang Berhormat Puan Anfaal Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat, Kerajaan Negeri Selangor**, yang juga merupakan orang kuat **Wanita Berdaya Selangor**.
4. Pihak pengurusan UiTM Cawangan Selangor amat berbesar hati atas sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam menjayakan program ini.
5. Tidak ketinggalan, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada kepada semua ahli jawatankuasa program yang terdiri daripada Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Dahlia dan Jawatankuasa Perwakilan Blok (JPB) Sesi 2024/ 2025 dengan disokong oleh Pengetua dan barisan Staf Residen

Kolej serta Unit Pengurusan Kolej Dahlia kerana telah bertungkus lumus dalam menjayakan program ini.

6. Sesungguhnya usaha ini sememangnya amat signifikan dalam membangunkan pelajar ke arah kecemerlangan peribadi dan sosial, serta memberi impak positif kepada komuniti kampus dan masyarakat sekeliling.
7. Komitmen dan dedikasi yang telah ditunjukkan oleh semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini adalah contoh teladan yang harus dipuji kerana melalui program ini, kita bukan sahaja dapat menyediakan platform kepada wanita untuk meningkatkan potensi diri, tetapi juga menyemai nilai-nilai keadilan, kesaksamaan, dan pemberdayaan.

8. Semoga usaha yang murni ini terus berkembang dan memberi manfaat kepada lebih ramai individu pada masa hadapan.

Hadirin yang dihormati sekalian

9. Saya dimaklumkan, tujuan utama program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada golongan muda, terutama mahasiswa UiTM, tentang peranan mereka dalam menghapuskan keganasan dan mengekalkan keharmonian dalam keluarga serta masyarakat.
10. Saya turut difahamkan bahawa pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya saringan kesihatan fizikal dan mental, kempen derma darah dan program kesedaran yang telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan, bukan sahaja daripada pelajar UiTM Cawangan Selangor, tetapi

juga daripada komuniti yang berada di sekitar kampus.

11. Sebanyak **9** aktiviti yang telah dijalankan, dan mendapat lebih daripada **5** ribu penyertaan secara bersemuka, manakala lebih **10** ribu peserta telah menyertai program ini secara dalam talian.

12. Saya rasa berbangga kerana penganjuran program ini telah memperluaskan kesedaran dan memberikan manfaat bukan sahaja kepada wanita, tetapi juga kepada golongan lelaki, baik di dalam kampus mahupun di luar sana.

13. Namun, kejayaan usaha ini tidak akan tercapai tanpa sokongan padu daripada pelbagai pihak, termasuk agensi kerajaan, swasta, dan NGO khususnya rakan kolaborasi utama kita iaitu WBS Sdn Bhd.

14. Saya amat menghargai sokongan yang diberikan, dan berharap agar sinergi kerjasama ini dapat diteruskan bagi melahirkan warga kampus yang lebih prihatin, sejahtera, dan berdaya saing.
15. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini secara langsung mahupun tidak langsung, atas kerjasama dan komitmen yang diberikan.
16. InsyaAllah, UiTM Cawangan Selangor akan terus menyokong usaha murni ini yang bukan sahaja memberi kesedaran penting mengenai keganasan terhadap wanita, tetapi juga memperkukuhkan semangat kerjasama dalam masyarakat.

17. Saya berharap agar semua yang hadir pada hari ini dapat membawa pulang ilmu dan kesadaran yang dapat diterapkan dalam kehidupan seharian, sekaligus menjadi agen perubahan untuk dunia yang lebih aman dan harmoni.

18. Semoga kita semua terus berusaha untuk mencipta persekitaran yang selamat, sejahtera, dan bebas daripada keganasan.

Kain songket tenunan halus,
Indah corak menghias rupa,
Wanita cerdas, cekal dan tulus,
Bersama maju, kental jiwanya.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**